

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1991

MENGAJAI SEMULA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK PROJEK KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-pentadbir Tanah Jajahan, bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas Bil. 7/266/9 (15) dalam sidangnya pada 3hb. April 1991 telah membuat keputusan menarik balik semua kemudahan-kemudahan yang ditawarkan untuk Projek Khas Perumahan Kos Rendah tertakluk kepada para 2 seperti berikut:-

- a) Pengecualian bayaran royalti pindah tanah dan batu-batan untuk keseluruhan projek bagi membawa masuk dan membawa keluar daripada projek tersebut.
- b) Pengurangan kadar bayaran premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan sehingga 50%.
- c) Pengurangan bayaran kelulusan pelan oleh Majlis Daerah/Perbandaran sebanyak 50% untuk semua Projek Khas Rumah Kos Rendah.
- d) Lain-lain sumbangan yang dikenalpasti dan didapati wajar oleh Jawatankuasa Projek Khas Rumah Kos Rendah dari semasa ke semasa.

2. Ada pun kemudahan-kemudahan yang masih berkuasa ialah :-

2.1 Pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik pertama dan gadaian bagi rumah kos rendah sahaja sehingga 31hb. Disember 1991 bagi rumah biasa dan 31hb. Disember 1992 bagi rumah pangsa.

2.2. Pasukan Petugas bagi mempermudah dan mempercepatkan proses pembangunan perumahan dan tanah dengan diurusetia oleh Bahagian Perumahan masih dikekalkan.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 3hb. April 1991.

t. t

(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

BERTARIKH : 30HB. APRIL 1991

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan.
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan.
9. YABrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

FAIL: P.T.G.KN. SULIT 23/3/1Jld. 2 (56)